



## Lembaran Pendedahan Produk

# Insurans Biz-Pack Partner

Sila baca Lembaran Pendedahan Produk sebelum anda membuat keputusan untuk memilih Insurans Biz-Pack Partner. Pastikan juga anda telah membaca termasuk terma dan syarat-syarat am.

**NOTIS PENTING**

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk [Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM](#) atau hubungi [Tokio Marine Insurans \(Malaysia\) Berhad](#) atau [PIDM](#) (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

## 1. Apakah produk ini?

Terdapat 5 jenis Insurans Biz-Pack Partner seperti berikut:

- Biz-Pack Partner: Office & Services
- Biz-Pack Partner: Retail
- Biz-Pack Partner: Food & Beverage
- Biz Pack Partner: Beauty & Wellness
- Biz-Pack Partner: Budget Hotel/Homestay

Anda perlu memilih salah satu produk yang paling sesuai untuk jenis perniagaan anda. Produk ini memberikan perlindungan menyeluruh yang merangkumi 9 seksyen (termasuk pilihan) seperti:

- Seksyen 1: Kebakaran dan Peril Khas
- Seksyen 2: Kecurian
- Seksyen 3: Wang
- Seksyen 4: Kaca
- Seksyen 5: Liabiliti Awam
- Seksyen 6: Liabiliti Majikan
- Seksyen 7: Kemalangan Diri Berkelompok

**Perlindungan Pilihan**

- Seksyen 8: Semua Risiko
- Seksyen 9: Kerugian Turutan Akibat Kebakaran

## 2. Apakah perlindungan/ manfaat yang disediakan?

Polisi ini melindungi:

- Seksyen 1: Kerugian atau kerosakan harta benda disebabkan kebakaran, kilat dan/atau peril khas tambahan seperti yang dipilih dengan membayar premium tambahan.
- Seksyen 2: Kerugian atau kerosakan akibat kecurian berikutan pecah masuk secara kekerasan dan keganasan ke dalam premis anda termasuk Rompak Bersenjata dan Ditahan.
- Seksyen 3: Kehilangan, kemusnahan atau kerosakan wang semasa dalam transit atau ketika disimpan di dalam premis anda.
- Seksyen 4: Pecah dengan tidak sengaja pada kaca yang dipasang pada bangunan.
- Seksyen 5: Kehilangan atau kerosakan pada harta benda atau kecederaan badan Pihak Ketiga akibat kecuaiian anda.
- Seksyen 6: Liabiliti pada pekerja anda untuk kecederaan badan atau penyakit yang dialami semasa bekerja.
- Seksyen 7: Kematian atau hilang upaya kekal dan/atau perbelanjaan perubatan akibat kemalangan.
- Seksyen 8: Kehilangan atau kerosakan akibat kemalangan atau kecelakaan.
- Seksyen 9: Kerugian keuntungan atau pendapatan kerana perniagaan yang terjejas akibat kebakaran dan/atau peril khas tambahan.

Anda boleh memperluaskan perlindungan dengan membayar premium tambahan pada Seksyen 1 polisi untuk peril berikut:

- Kerosakan pesawat, Kerosakan akibat hentaman, Gempa bumi & letusan gunung berapi
- Ribut & Taufan, Banjir, Letupan, Paip pecah atau melimpah
- Tanah tenggelam dan tanah runtuh
- Kerosakan akibat rusuhan, mogok dan tindakan niat jahat
- Kebakaran belukar/lalang, Kebakaran spontan, Kebocoran perenjis
- Kerosakan dari pokok atau dahan tumbang dan objek jatuh

Tempoh perlindungan adalah selama satu tahun. Anda dikehendaki memperbaharui polisi insurans anda setiap tahun.

## 3. Berapakah jumlah premium yang perlu saya bayar?

Jumlah premium yang perlu anda bayar mungkin berbeza bergantung kepada pelan yang anda pilih.

## 4. Apakah yuran dan bayaran yang saya perlu bayar?

- Cukai Perkhidmatan : 8%
- Duti setem : RM10.00
- Komisen dibayar kepada pengantara insurans (jika ada) : 15% daripada jumlah premium atau RM \_\_\_\_\_

## 5. Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui?

- Kepentingan pendedahan - anda dikehendaki mendedahkan semua fakta material yang anda tahu atau patut tahu; jika tidak polisi anda mungkin dianggap tidak sah.
- Anda perlu memastikan harta benda anda diinsuranskan pada jumlah yang berpatutan dengan mengambil kira pengubahsuaian yang dilakukan pada harta benda anda.
- Anda boleh memilih untuk menginsuranskan harta benda anda atas dasar Nilai Pasaran atau Nilai Pengembalian Semula:
  - a) Dasar Nilai Pasaran - pihak kami akan membayar kos pembaikan ke atas harta yang rugi atau rosak setelah ditolak jumlah susut nilai.
  - b) Dasar Nilai Pengembalian Semula - pihak kami akan membayar kos penuh untuk pembaikan harta yang rosak tanpa menolak susut nilai, dengan syarat jumlah perlindungan adalah mencukupi untuk menampung jumlah kos pengembalian semula harta tersebut.
- Sekiranya jumlah yang diinsuranskan dalam polisi adalah kurang daripada nilai sebenar pada waktu kerugian berlaku (contohnya terkurang insurans dan anda dianggap akan menanggung sendiri perbezaannya), syarat purata akan dikenakan jika berlaku tuntutan.
- Anda boleh menggunakan Kalkulator Kos Bangunan PIAM (Kalkulator) untuk membantu anda menentukan Jumlah Yang Diinsuranskan untuk hartanah kediaman, rumah kedai dan pejabat anda dengan mengakses Kalkulator melalui laman web kami di [www.tokiomarine.com](http://www.tokiomarine.com) atau laman web PIAM di [www.piam.org.my](http://www.piam.org.my).
- Lebihan, jika ada, adalah jumlah yang dinyatakan di dalam polisi yang harus anda tanggung sendiri sebelum kami membayar sebarang tuntutan kepada anda.
- Perlindungan di bawah Liabiliti Awam - anda tidak harus mengakui, menawarkan, menjanjikan atau membayar kepada pihak yang menuntut tanpa kebenaran bertulis daripada kami.
- Anda harus memaklumkan pengantara insurans anda atau kami secara bertulis tentang sebarang perubahan material sepanjang tempoh polisi supaya pindaan yang wajar diendorskan pada polisi anda.

## 6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi sesetengah kerugian, seperti:

- Perang, Perang saudara atau sebarang tindakan keganasan
- Risiko radioaktif dan tenaga nuklear
- Pengiktirafan tarikh
- Kerosakan harta kepada data atau perisian
- Seksyen 'Liabiliti Awam' tidak melindungi sebarang kecederaan berkaitan asbestos atau kerosakan yang melibatkan penggunaan, kehadiran, kewujudan, pengesanan, pengalihan, pembuangan atau penghindaran asbestos atau pendedahan atau potensi pendedahan kepada asbestos

Nota: Senarai ini bukan senarai lengkap. Sila rujuk polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.

## 7. Bolehkah saya batalkan polisi ini?

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberi notis bertulis kepada kami. Selepas pembatalan, anda layak mendapat pemulangan premium ditolak premium pada kadar tempoh singkat bagi tempoh polisi yang telah berkuatkuasa, tertakluk kepada premium minimum yang dikekalkan oleh pihak kami. Tiada pemulangan premium dibenarkan jika terdapat tuntutan di bawah polisi ini.

## 8. Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan pihak kami tentang sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya. Anda boleh memberikan maklumat anda yang terkini melalui ejen kami yang diberikuasa, cawangan atau perkhidmatan pelanggan kami.

## 9. Dari manakah boleh saya dapatkan informasi yang lebih terperinci?

Sekiranya anda memerlukan informasi tambahan tentang Insurans Biz-Pack Partner atau mana-mana jenis produk insurans yang lain, sila hubungi kami atau mana-mana cawangan atau pengantara insurans anda atau layari laman web kami di [www.tokiomarine.com](http://www.tokiomarine.com)

Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad  
Level 20, Menara Hap Seng 3,  
Plaza Hap Seng, No. 1, Jalan P. Ramlee,  
50250 Kuala Lumpur.

Customer Service Hotline: 1800 88 0812  
Email: [letusknow@tokiomarine.com.my](mailto:letusknow@tokiomarine.com.my)

## 10. Jenis perlindungan insurans serupa yang ditawarkan

Polisi kelas individu

## 11. Apakah yang perlu saya lakukan jika berlaku kerugian/kerosakan?

Anda perlu memaklumkan secara bertulis beserta butiran lengkap mengenai kejadian/kemalangan dengan segera. Pemberitahuan awal membolehkan kami untuk melakukan siasatan tentang kerugian/kerosakan. Jika pecah masuk/kecurian berlaku, anda perlu membuat laporan polis dengan serta merta.

### NOTA PENTING

Anda hendaklah membaca dan memahami polisi insurans dan berbincang dengan pengantara insurans atau hubungi kami untuk maklumat lanjut. Informasi yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada 01/03/2024

Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.